

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN

KAWASAN : TANJONG MALIM

TARIKH : 10 JUN 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerajaan akan mula melebarkan Lebuh Raya Utara-Selatan di bahagian dari Slim River ke Ipoh dari 2 lorong sehala kepada 3 lorong sehala, kerana bahagian lebuhraya yang sedia ada itu menghadapi kesesakan lalu-lintas yang teruk terutama sekali pada musim cuti dan musim perayaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai kesesakan di Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS), khususnya pada cuti hujung minggu dan musim-musim tertentu seperti cuti persekolahan dan musim perayaan utama. Kesesakan ini berlaku berikutan daripada pertambahan mendadak bilangan kenderaan berbanding kadar biasa dalam tempoh masa yang hampir serentak.

Pada masa kini Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan kerja-kerja pelebaran lorong ketiga PLUS di bahagian Perak. Ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi (di luar skop konsesi) dan kapasiti trafik di laluan tersebut masih berada pada tahap yang terkawal. Walaupun begitu, pihak PLUS telah mengambil inisiatif – tanpa melibatkan bantuan kewangan Kerajaan – untuk membina lorong mendaki di laluan PLUS antara Slim River – Sungkai (arah utara) sepanjang 4.5km. Pada masa kini projek tersebut sedang giat dilaksanakan dan ia dijangka siap pada akhir tahun ini (2014).

Untuk tempoh jangka panjang pula, kerajaan telah meluluskan projek membina Lebuhraya Pantai Barat (Taiping – Banting) yang hampir selari dengan jajaran PLUS. Projek sepanjang 316km ini akan dilaksanakan menerusi gabungan kaedah penswastaan dan konvensional di mana ia bakal menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya PLUS sedia ada. Perjanjian Konsesi Lebuhraya Pantai Barat

telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan projek ini dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan.

Sekian. Terima kasih.